



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA**  
**DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu 5/2011 (30 Januari hingga 5 Februari 2011)

Pada minggu kelima tahun 2011 iaitu bagi tempoh 30 Januari hingga 5 Februari 2011, sejumlah 372 kes Demam Denggi dengan dua kematian telah dilaporkan di seluruh negara, menurun sebanyak 121 kes atau 25% berbanding 493 kes pada minggu sebelumnya. Hanya sebuah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Sarawak yang meningkat sebanyak 1 kes (4%) (Lampiran A). Jumlah kes pada minggu lepas juga adalah jumlah kes mingguan yang terendah dilaporkan sejak minggu ke 38 tahun 2009.

Jumlah terkumpul kes sehingga 5 Februari 2011 adalah 2,471, penurunan sebanyak 53% atau 2,763 kes berbanding dengan 5,234 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Kes kematian akibat Denggi juga menurun sebanyak 64% atau 9 kematian, di mana terdapat 5 kematian bagi tahun 2011 berbanding 14 dalam tempoh yang sama pada tahun 2010.

Pada minggu lepas, terdapat dua (2) kematian Demam Denggi dilaporkan, iaitu dari Johor dan Pahang. Kes melibatkan dua orang lelaki, masing-masing berusia 25 tahun yang bekerja sebagai operator kilang dan seorang juruteknik yang berusia 58 tahun. Lokaliti

kediaman kes merupakan kawasan yang berisiko tinggi untuk jangkitan Denggi iaitu kawasan wabak dan masih mempunyai kadar pembiakan yang tinggi.

Sejumlah 96 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 7 lokaliti *hot spots* dikenalpasti pada minggu lepas, berbanding 6 lokaliti pada minggu sebelumnya, dengan melibatkan sebanyak 95 kes Demam Denggi (Lampiran C). Dua daripada 7 lokaliti *hot spots* ini masih mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi (Lampiran D). Terdapat 5 daripada 7 lokaliti hotspots ini yang menjalankan aktiviti gotong-royong iaitu di Kg Baru Sg Terentang, Taman Tun Teja Apartment Rawang dan Taman Muhibbah Rawang di Selangor, Taman Miharja Fasa 1 di WP Kuala Lumpur serta Kg Duyung Besar di Terengganu. Usaha gotong royong ini perlu diteruskan supaya kawasan-kawasan ini dapat dibebaskan dari cengkaman wabak denggi yang boleh membawa maut.

Kementerian Kesihatan ingin menyeru orang ramai supaya memberi kerjasama dalam aktiviti pencegahan dan kawalan Demam Denggi. Walaupun bilangan kes menunjukkan aliran penurunan, orang ramai di ingatkan supaya tidak alpa dan sentiasa menjaga kebersihan dan memastikan persekitaran tempat tinggal, belajar dan bekerja bebas dari pembiakan Aedes. Dengan perubahan cuaca yang diramal meningkatkan purata suhu permukaan dan taburan hujan, risiko penularan penyakit bawaan vektor seperti denggi juga boleh meningkat. Peningkatan suhu mempercepatkan tempoh perkembangan nyamuk dari larva kepada nyamuk dewasa dan meningkatkan tahap replikasi (pemiakan) virus di dalam nyamuk menyebabkan peningkatan dinamik penularan demam denggi. Namun begitu, jika tiada tempat-tempat pembiakan Aedes, perubahan cuaca

tidak akan memberi kesan kepada kejadian demam denggi. Oleh itu, hanya persekitaran yang bersih dan bebas dari tempat pembiakan Aedes sahaja yang dapat mencegah wabak demam denggi dari berlaku.

Oleh itu, pastikan kediaman dan kawasan sekitarnya bebas dari pembiakan nyamuk Aedes dengan meluangkan masa 10 minit seminggu untuk memeriksa persekitaran kediaman dan menjayakan aktiviti gotong-royong bersama masyarakat setempat yang lain. Sekiranya anda mengesan nyamuk di kediaman anda, cari dan musnahkan tempat pembiakan dan gunakan penyembur aerosol untuk membunuh nyamuk-nyamuk dewasa. Sekiranya anda mengalami gejala demam denggi hendaklah bersegera ke klinik berdekatan bagi mengelakkan komplikasi dan risiko kematian. Beritahu doktor anda jika kawasan anda merupakan kawasan wabak denggi. Orang ramai boleh mendapatkan maklumat berkaitan dengan Demam Denggi melalui capaian internet di [www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my), [www.infosihat.gov.my](http://www.infosihat.gov.my) dan [www.myhealth.gov.my](http://www.myhealth.gov.my).

Bagi Penyakit Chikungunya untuk tempoh 30 Januari hingga 5 Februari 2011, terdapat satu kes dilaporkan, iaitu di Sabah. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 3 kes, penurunan sebanyak 99% atau 322 kes berbanding dengan 325 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2010 (Lampiran B).

**TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

7 Februari 2011

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 5/2011  
(30 Januari hingga 5 Februari 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 5/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 5/2010
		Minggu 5 (30 Januari – 5 Februari 2011)	Minggu 4 (23 – 29 Januari 2011)		
1	Perlis	0	4	16	13
2	Kedah	13	20	68	49 (1)
3	P. Pinang	24	48	200	132
4	Perak	18	41	160	122
5	Selangor	144	167 (1)	867 (1)	2,356 (8)
6	WPKL & Putrajaya	22	32	154	435 (1)
7	N. Sembilan	18	20	65	256
8	Melaka	3	10	61	54 (1)
9	Johor	35 (1)	44 (1)	239 (2)	320
10	Pahang	21 (1)	28	143 (1)	122 (1)
11	Terengganu	18	18	132 (1)	112
12	Kelantan	20	21	109	87
13	Sarawak	25	24	176	899 (2)
14	Sabah	10	15	77	271
15	WP Labuan	1	1	4	6
	<b>MALAYSIA</b>	<b>372 (2)</b>	<b>493 (2)</b>	<b>2,471 (5)</b>	<b>5,234 (14)</b>

Nota: ( ) Kematian

## Lampiran B

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 5/2011  
(30 Januari hingga 5 Februari 2011)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 5/2011	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 5/2010
		Minggu 5 ( 30 Januari – 5 Februari 2011)	Minggu 4 ( 23 – 29 Januari 2011)		
1	Perlis	0	0	0	0
2	Kedah	0	0	0	0
3	P. Pinang	0	0	0	0
4	Perak	0	0	0	0
5	Selangor	0	0	0	9
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	0
7	N. Sembilan	0	0	0	0
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	0	0	1
10	Pahang	0	0	0	1
11	Terengganu	0	0	0	0
12	Kelantan	0	0	0	2
13	Sarawak	0	0	0	306
14	Sabah	1	0	3	4
15	WP Labuan	0	0	0	2
	<b>MALAYSIA</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>3</b>	<b>325</b>

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 5  
BAGI TAHUN 2011**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
1	SELANGOR	MPS (GB)	Kg Baru Sg Terentang	28	66
2	SELANGOR	MPS (GB)	Taman Tun Teja Apartment Rawang	19	54
3	SELANGOR	MPS (GB)	Las Palmas Apartment Bandar Country Homes	4	33
4	SELANGOR	MPAJ (GB)	Taman Al-Ridzuan (Zon A)	7	32
5	SELANGOR	MPS (GB)	Taman Muhibbah Rawang	6	30
6	WPKL	Cheras	Taman Miharja ( Fasa 1)	14	60
7	TERENGGANU	K.Terengganu	Kg Duyung Besar	17	43

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUYAI KADAR  
PEMBAIKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 5  
BAGI TAHUN 2011  
(30 Januari hingga 5 Februari 2011)**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)</b>	<b>Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa</b>
1	SELANGOR	MPS (GB)	Taman Muhibbah Rawang	7.7	8
2	SELANGOR	MPAJ (GB)	Taman Al-Ridzuan (Zon A)	4.1	4